

TRANSKRIP TEMURAMAH YANG BERBAHAGIA TAN SRI MOHD SIDEK HASSAN DAN
YANG BERBAHAGIA TAN SRI YONG POH KON, Pengerusi Bersama PEMUDAH
DALAM AGENDA AWANI PADA 22 SEPTEMBER 2010

Hos Agenda Awani: Cabaran sistem penyampaian sektor swasta juga sektor awam untuk mencapai negara maju 2020 itu yang kami akan bincangkan dalam Agenda Awani sebentar lagi. Mengikut laporan yang dikeluarkan oleh Institut Pembangunan Pengurusan Antarabangsa (IMD) baru-baru ini, Malaysia menduduki tempat yang ke-10 dalam daya saing antarabangsa di mana itu merupakan satu pencapaian yang baik dalam daya saing Malaysia pada tahun ini dan cabarannya untuk mengekalkan daya saing itu dan melonjak untuk menjadi sebuah negara yang berpendapatan tinggi dan untuk memastikan ianya dapat dicapai, sistem penyampaian baik di sektor swasta atau sektor awam menjadi kunci untuk melancarkan pencapaian matlamat ini. Untuk membincangkan perkara ini dengan lebih mendalam, bersama tetamu Agenda Awani kali ini, Ketua Setiausaha Negara yang juga merupakan Pengerusi Bersama PEMUDAH untuk sektor awam, Tan Sri Mohd Sidek Hassan. Terima kasih Tan Sri kerana sudi bersama kami dan turut bersama kami hari ini Pengerusi Bersama PEMUDAH untuk sektor swasta yang merupakan mantan Presiden Persatuan Pengilang Malaysia (FMM) Tan Sri Yong Poh Kon, terima kasih kerana bersama kami dalam Agenda Awani pada hari ini. Saya ingin memulakan perbincangan kita pada hari ini dengan Program Transformasi Ekonomi. Kita lihat 92% daripada pelaburan untuk projek-projek di dalam ETP ialah bergantung dan dipengaruhi oleh sektor swasta dan itu menunjukkan betapa kuatnya dan pentingnya sektor swasta dan ini disokong pula dengan sektor awam. Jadi kalau kita lihat daya saing matlamat kita untuk menjadi negara maju menjelang 2020, apa yang kita boleh lihat daripada angka-angka tersebut, Tan Sri.

Tan Sri Mohd Sidek Hassan:

Terima kasih kerana menjemput saya untuk menjayakan program ini. Seperti mana yang disebutkan tadi, Malaysia sekarang merupakan negara ke-10 kompetitif di dalam dunia dan ini adalah satu pencapaian yang amat baik tetapi kita tidak harus berhenti di tahap yang ke-10 sahaja malah adalah menjadi hasrat kita, sebenarnya hasrat YAB Perdana Menteri juga bahawa kita patut cuba mendapat tempat ke-5 terbaik di dalam dunia. Itu adalah satu cabaran yang amat besar. Ianya bermaksud bukan sahaja kita sepatutnya mengadakan *improvement* secara menyeluruh tetapi kita juga perlu memikirkan negara-negara lain yang turut akan membuat pembaharuan, penambahbaikan jadi kita perlu membuat *quantum leap* untuk mencapai tahap ke-5 tersebut. Jadi peranan kerajaan dalam perkara ini adalah amat penting. Walaupun disebutkan tadi, sektor swasta di mana Tan Sri Yong dan rakan-rakannya mempunyai peranan yang penting dalam melonjakkan ekonomi kita tapi kalau pihak kerajaan, pihak pentadbiran awam tidak sama-sama berperanan untuk memudahkan sektor swasta melakukan kerja-kerja pelaburan dan perkilangan dan sebagainya, adalah agak

sukar bagi negara kita untuk menjadi negara yang ke-5 kompetitif di dunia. Itulah peranan yang harus kita sama-sama sumbangkan oleh penjawat awam oleh kerajaan.

Hos Agenda Awani: Bagi sektor swasta pula bagaimana? Menjelang 2020, kita sudah ada matlamat kita sendiri, jadi dalam sistem penyampaian bagaimana sektor swasta memandangi perkara ini?

Tan Sri Yong Poh Kon:

Thank you. I think it is always true that it takes two hands to clap and in trying to achieve this target of five or a single digit for being the most competitive country in the world, we have to benchmark ourselves with the best. For example, you mentioned the IMD survey. The World Bank also does the similar survey and when they measure, they will measure various categories of achievement areas like enforcing contracts, where they measure how fast our courts and our private sector finishes their court cases. For all 83 countries, we were made the 59th but we need to improve upon that. For various other categories like getting credit, we are actually very fast and our processes are much easier. So even for getting credit, it reflects not only on the system of law of the country but also the efficiency of our banking system. Are we able to apply these principles to SMI credits when they apply for certain loans? Is it disbursing of loan fast enough? So these are where the private sectors, the banking sectors have to improve but in specific areas it has actually done quite well.

Hos Agenda Awani: Tapi dalam bidang-bidang tertentu di manakah kita untuk mencapai matlamat? Di manakah *benchmark* kita? Di mana harus kita untuk meletakkan tanda aras pada situasi kita hari ini di sektor swasta khususnya.

Tan Sri Yong Poh Kon:

Well, the present situation is of course we will have to monitor. This is because the World Bank will send in their investigators. Every year, they will come to measure and it is like paying taxes. As all of us know, we are ranked number 24th and it is actually improving because the Inland Revenue Department have computerised their system and now they can make a lot of refund within 30 days without referring to your previous owing. These are areas we have improved. Even for registering properties, it used to take 144 days to register and last year it was brought down to 44 days but the KSN said that was not good enough. In front of the various officers; the land officers, the Land Office Department, and the Inland Revenue Department, they were challenged to better this delivery and have now achieved this within one day. To do this, certain rules changed. The reality today, is for most of standard properties, they can actually do it within one day. But that led and caused other problems. In the private sector, the lawyers are not used to

such speed and as the result, files accumulate in the land office and we have to remind everybody to take up their titles as soon as they can.

Hos Agenda Awani: Itu cabarannya pada hari ini untuk mengejar seperti yang dikatakan tadi – kepantasan tetapi seperti contoh yang Tan Sri berikan tadi, di Pejabat Tanah, pihak pengurusan telah memudahkan dan kempen mempercepatkan hingga ke satu hari sahaja tetapi kepada rakyat adakah kesan transformasi itu dapat secara terus kepada mereka?:

Tan Sri Mohd Sidek Hassan

Saya rasa memang ada tapi dalam pembaharuan ini ia merupakan a *moving target* umpamanya kalau dulu 144 hari sepatutnya kita amat gembira bila boleh diturunkan pada 80 hari tapi itu pun kita tidak suka. Apabila dipendekkan ke 44 hari pun kita tidak suka juga, dan apabila ianya boleh dilakukan dalam masa satu hari pun, ianya masih tidak cukup bagus. Sebagai contoh perkhidmatan passport, saya ingat lagi beberapa tahun yang lalu hanya untuk mendapatkan nombor untuk mendapatkan perkhidmatan passport, kita perlu *queue* berjam-jam dan selepas itu kita hanya akan memperolehi passport tersebut dalam masa beberapa minggu, kemudian dipendekkan ke beberapa hari dan kini ianya boleh diperolehi dalam masa satu hari. Sekarang ini, YAB Perdana Menteri menyatakan kita boleh mendapatkannya dalam masa satu jam tetapi bagi sesetengah orang yang dapat mungkin memperolehi perkhidmatan passport dalam masa satu jam 20 minit akan merungut kerana lambat 20 minit. Tetapi kenapa pula kita perlu mendapat passport dengan begitu cepat? Maksud saya, akan tiba waktunya bila apa yang kita idam-idamkan sekarang dan kita mencapai apa yang diidamkan itu, kita akan rasa ianya tidak memadai lagi. So cabaran kita ialah bagaimana kita boleh mendapatkan perkhidmatan yang baik ini dilaksanakan juga di lain-lain jabatan Kerajaan? Umpamanya untuk mendapatkan perkhidmatan passport, rata-rata ianya sudah dapat dirasai oleh rakyat jelata. Bagi hal tanah pula, ianya semakin boleh diterima dan dinikmati oleh rakyat jelata. Bagi mendapatkan lesen memandu, dan membuat pembayaran dan lain-lain juga telah dirasai tetapi cabaran ialah bagaimana kita boleh mempraktikkannya di lain-lain jabatan Kerajaan supaya ianya dijadikan satu amalan bersama. Sekarang ini, saya rasa sektor swasta juga cuba untuk meneladani perkhidmatan awam. Umpamanya, *clearing* di lapangan terbang, saya rasa bukan sahaja kita yang terbaik di kawasan ini, kita adalah yang terbaik di dalam dunia dan ini telah ditanda araskan oleh lain-lain negara. Jadi itulah satu cabaran kita supaya perkhidmatan awam dijadikan penanda aras bukan sahaja di sektor swasta di negara kita tetapi juga ditanda aras oleh lain-lain negara.

Hos Agenda Awani: Mungkin kita sudah ada inisiatif-inisiatif ataupun perubahan transformasi yang terbaik dan dirasakan terus oleh rakyat negara ini contohnya perkhidmatan passport tadi. Bagaimana semua faktor-faktor itu dapat menjadi faktor penarik supaya Malaysia terus menjadi pilihan utama untuk pelabur – pelabur khususnya daripada luar negara. Mungkin ada insentif yang lebih kepada expatriate daripada luar negara contohnya, Tan Sri Yong?

Tan Sri Yong Poh Kon:

It is true for a country to grow; we would certainly need an infusion of foreign direct investments. We not only need the investments but skilled personnel to come in and that is why the engagement with the Immigration Department is important. They have improved the process to speed up the work permit for these expatriates. It used to take many weeks with uncertainty. As you know, we have about two millions foreign workers. Now we have about 35,000 or 40,000 expats and surely this number could be much bigger and it will bring the technologies, the transfers will come in. Now you can apply for work permits within seven days. But better than that, the rules in the Immigration Department now - if you earn more than RM8, 000 as an expats it is virtually an automatic permit, unless there is a criminal records but if not, no questions will be asked. So these will certainly help to make the investment climate more attractive.

I mentioned about getting passport within one day. Similarly now, for companies when the foreign investors come in, they can actually incorporate a company within two to three days. Our target by end of this year is to do it within one day. I remembered few years ago, there was a business by the lawyers which will sell “shelf companies”. It is a company registered with a name, ready to go because it used to take months to register a company. But now, you can register a company in one day or two days, you don’t need these shelf companies anymore. So this one way to begin expanding and growing our economy. We are now ranked 88th in the world out of all 182 countries for registering the company. But if you can now do it within one day, we will jump our ranks to 10th, 4th, 3rd. These are some of the moves that are growing in the country and I am sure the ranking will improve as it is now felt by the general public.

Hos Agenda Awani: Bagaimana dengan sistem penyampaian yang lebih cepat ini dapat memastikan atau menjamin ketulusan transparensi di kalangan baik di sektor swasta dan di sektor awam sendiri. Bagaimana kita dapat melihat secara terus transperansi itu?

Tan Sri Mohd Sidek Hassan:

Sebenarnya *ranking* penting. Semasa bersekolah dan kalau dalam kelas, kita berjaya dapat nombor satu ianya adalah satu kegembiraan bukan sahaja kepada kita tetapi kepada ibubapa kita, dan mungkin kepada penduduk kampung kita juga. Tetapi kalau kita dapat nombor satu, dan pemikiran kita masih lagi pemikiran pada nombor 12, itu mungkin kurang bermakna. Namun lebih elok kalau kita dapat nombor satu dan pemikiran kita pun nombor satu juga. Itu sebabnya, maksud Tan Sri tadi amat penting dan adalah sangat penting supaya kita semua merasai. Bila kita kata yang ianya mudah membuat perniagaan di negara ini, adakah ianya betul-betul dirasakan oleh rakyat jelata - *People First*? Saya rasa inilah yang paling penting, kalau kita dapat nombor 12 dalam dunia dari segi memudahkan pendaftaran syarikat, adakah ianya benar-benar dirasakan? Inilah cabaran kita dan saya rasa inilah patut kita sama-sama kerjakan atau tambahbaikan. Saya tinggal lama juga di luar negara, 17 tahun dan bila saya balik ke negara kita, ianya berbeza dan saya suka, maklumlah negeri kita. Apabila saya bertemu dengan ramai *expatriates* luar negara yang bekerja di sini, ramai menyatakan mereka suka bekerja di sini bukan setakat insentif-insentif yang sememangnya menarik. Pada hemah saya, mereka suka tinggal di negara ini kerana taraf kehidupan di sini sangat baik. Memang ada yang menggembar-gemburkan mengenai keselamatan tetapi di negara lain pun isu keselamatan ini adalah satu isu yang besar cuma ianya tidak digempargempurkan. Walaupun pada hakikatnya mungkin keselamatan negara kita adalah lebih baik daripada mereka. Ramai *expats* daripada Jepun, Korea, England yang rata-rata mengatakan kalau mereka diminta pulang ke negara asal, mereka pasti berasa sedih meninggalkan negara ini. *Our environment here is pretty good.*

Hos Agenda Awani: Tapi dalam masa yang sama, kita sudah nampak potensi kita di situ tetapi cabaran-cabaran dan peluang-peluang mungkin dari segi tenaga sumber manusia mungkin negara-negara seperti Indonesia dan Vietnam menawarkan sesuatu yang lebih besar di situ. Mungkin ada tarikan lebih di sana jadi kalau menuju ke hadapan 2020 bagaimana kita menangani cabaran-cabaran yang datang, daya saing yang datang daripada negara-negara serantau sendiri?

Tan Sri Mohd Sidek Hassan:

Itu mungkin betul 10 tahun yang lalu, 20 tahun yang lalu di mana negara kita kompetitif dari segi apabila kos buruh adalah murah tapi sekarang

ini, kita tidak mahu menarik industri yang memerlukan buruh yang murah. Sebab YAB Perdana Menteri sering kali menyebut bahawa kita mahu hijrah ke negara berpendapatan tinggi jadi orang-orang kita pun tidak sepatutnya dibayar upah yang rendah sebab ramai orang Malaysia yang amat bijak yang boleh bekerja di sini. Oleh kerana gaji mereka rendah di sini, mereka pergi bekerja ke luar negara seperti di Singapura, Middle East, England untuk mendapatkan upah yang lebih tinggi untuk kerja yang hampir sama yang dilakukan di sini.

Hos Agenda Awani: Tan Sri menyebut bahawa ada kecenderungan tenaga kerja kita yang memilih pakar-pakar kita untuk bekerja di luar negara dan ini mungkin satu kerugian kepada pembangunan ekonomi negara ini. Bagaimana pula dengan anak-anak muda ataupun anak Malaysia yang memilih untuk berkerja di luar negara kerana peluang-peluang yang wujud di sana lebih menarik atau mereka memandangi ianya satu kelebihan. Mereka juga merasakan kalau balik ke Malaysia, mereka memerlukan satu insentif. Jadi bagaimana kita memandangi perkara itu?

Tan Sri Mohd Sidek Hassan:

Itulah sebabnya YAB Perdana Menteri menubuhkan Talent Corporation. Ini untuk memastikan bahawa *talent* kita yang berada di luar sana pulang semula ke Malaysia dan begitu juga *talent* yang ada di negara kita untuk kekal di negara kita. Insentif yang saudara sebutkan tadi itu mungkin perlu ditanya kepada diri kita sendiri. Kenapa ramai dan mungkin ada di antara kawan-kawan kita yang memilih untuk bekerja di luar negara? Mungkin salah satu aspeknya ialah pendapatan mereka adalah lebih di luar negara bagi pekerjaan yang sama dilakukan di sini. Contohnya doktor Malaysia bekerja di Singapura dan merawat pesakit di sana yang mana merupakan orang Malaysia. Ini menunjukkan bahawa orang Malaysia pergi ke Singapura untuk mendapat rawatan dan perubatan di Singapura yang dilakukan oleh pakar-pakar di Singapura yang berasal daripada negara kita. Kenapa mereka tidak untuk melakukan kerja-kerja tersebut di sini? Satu perbezaannya, pendapatan yang lebih besar tetapi kalau kita boleh adakan situasi di mana mereka mendapat pendapatan yang sama atau hampir sama di negara kita, saya percaya mereka akan memilih untuk bekerja di sini. Soalnya, kita perlu meningkatkan produktiviti kita. Umpamanya, kalau kita pergi ke Perancis, perempuan atau lelaki yang membuat beg tangan dibayar gaji yang besar kerana barangan-barangan yang dikeluarkan itu dijual dengan harga yang mahal dan ianya juga laku di negara kita. Kaum wanita kita pun membeli beg tangan dari Perancis yang mahal dan mewah. Kalau kita boleh menimbulkan satu keadaan di mana mereka itu bekerja di negara kita, mengeluarkan beg tangan yang sama, dengan harga yang hampir sama, tidak salah kita membayar upah yang setimpal kepada mereka. Itulah cabaran kita, inilah yang dimaksudkan YAB Perdana Menteri mengenai Model Pendapatan Tinggi.

Hos Agenda Awani: Jadi cabarannya, kemahiran juga boleh ditingkatkan lagi di kalangan para pekerja kita di negara ini. Jadi kalau bercerita mengenai perkhidmatan awam yang mempunyai sebanyak 1.2 juta penjawat awam dan jumlah ini lebih besar di sektor swasta. Pekerja-pekerja mungkin memerlukan inovasi dan juga kreativiti yang tinggi dalam meningkatkan ekonomi negara. Bagaimana pula Tan Sri melihat perkara ini, cabaran tenaga kerja di sektor swasta pula?

Tan Sri Yong Poh Kon:

In the private sector, every year there will be a requirement for new entrants into the workforce and of course for the workforce, each company have a responsibility for their own training to bring them up their levels. So under the New Economic Model, there is a big emphasis on development of human capability or the human resource of the country. We need them because with appropriate skills, language skills and technical skills, we are then able to train various workers and various skills, not only in the manufacturing field but also in the service because as the country progresses, more and more will be depending on the services. We need all these for us to earn the high income that we are targeting.

Hos Agenda Awani: Sistem mungkin ada yang kita boleh gunakan, kita juga boleh pinjam daripada sektor swasta untuk diaplikasikan dalam sektor awam khususnya dalam pengurusan sumber manusia ini. Mungkin ada cadangan-cadangan atau perkara-perkara yang kita dapat lihat dalam perkara ini supaya produktiviti, supaya penyampaian dan juga kualiti itu dapat ditingkatkan di masa akan datang.

Tan Sri Mohd Sidek Hassan:

Kita telah membuat perkara itu pada 1 Oktober tahun lepas di mana kita mengadakan *cross fertilization* iaitu kita menghantar beberapa pegawai kita yang *high flyers* ke GLC dan beberapa penjawat daripada GLC dibawa masuk ke dalam perkhidmatan awam. Di sini mereka boleh berkongsi pengalaman dan *best practices* supaya kita penjawat awam boleh belajar daripada mereka di GLC dan GLC juga boleh belajar dari kita. Tetapi saya suka menyebutkan bahawa dalam hal ini, bukan sahaja setakat penjawat awam sahaja yang belajar daripada sektor swasta, sektor swasta juga perlu belajar daripada kita. Ada beberapa perkara yang sektor swasta tidaklah sebaik yang kita sangkakan, yang mungkin sektor awam adalah lebih cepat. Dan sebagai contoh apabila kita pergi berurusan dengan bank-bank, mungkin ada ruang lagi untuk menambahbaik tetapi lumrah manusia ini kalau sekiranya mereka *queue up* agak lama, katakan 10 minit di kaunter jabatan kerajaan, mereka sudah merungut dan mengatakan ianya mengambil masa yang panjang. Tapi kalau dahulunya, sewaktu tiada ATM, kita perlu keluar ke bandar

untuk mengeluarkan duit. Waktu itu, kita terpaksa menunggu begitu lama, tetapi kita faham dan tidak merasa marah. Inilah yang perlu sektor swasta belajar dari perkhidmatan awam dan sektor swasta boleh belajar juga mengenai bagaimana sektor awam dalam soal pembayaran. Saya amat gembira sekarang kebanyakan pembayaran oleh jabatan-jabatan kerajaan dibuat dalam masa 14 hari. Hampir semua, di Jabatan Perdana Menteri sahaja, 99.9% pembayaran dibayar dalam masa 14 hari, 98% pembayaran dibayar dalam masa tujuh hari. Ramai rakan-rakan saya telah bersara yang sekarang ini bekerja di sektor swasta mengatakan untuk mendapat pembayaran di sektor swasta memakan masa yang agak lama. Kalau mereka memperolehi pembayaran dalam masa satu bulan, itu adalah bonus. Jadi, ini adalah antara perkara yang boleh sektor swasta boleh belajar daripada jabatan Kerajaan.

Tan Sri Yong Poh Kon: This is true. My son just bought an apartment and the payments between the lawyers and the banks took six months to resolve. When you talk about 14 days payment, our legal system and the payment among the various conveyancing lawyers need to speed up. On the other hand, in the judiciary, for example the enforcement of the contracts in the commercial sector has improved tremendously. Like I said earlier, we are 59th in the world but in the beginning of last year, the cases had actually sped up a lot for commercial side. This is an example of an incident where backlog in the commercial cases. In January 2009, the order was 6,005 to 7,000 cases. Some of them up to 8 to 10 years old but the judiciary have made a series of improvements into their computerisation and they were able to bring down the cases to about 1,003 now. In September last year, they have started a new commercial courts and that again took the pressure off and I am quite confident with the way they solving about 200-300 cases a month, by the end of this year there will no more backlog of commercial cases. Malaysia can then talk to the world to say 'look, you can settle all the commercial cases within 9 months' and that is certainly a world standard. I am quite confident from 59th in the world we can jump to top 10. So, these are the sort of areas that can help to make the country more competitive.

Hos Agenda Awani:

Dan kalau dengan perkhidmatan awam ini Tan Sri mengatakan bahawa perkhidmatan awam ini sudah menjadi tanda aras kepada sektor swasta dan cabaran pada hari ini juga di sektor swasta bagaimana untuk mentransformasikan sektor swasta itu sendiri supaya sama seiring dengan pelaksanaan yang ada dalam perkhidmatan awam. Bagaimana kita melihat cabaran-cabaran itu Tan Sri?

Tan Sri Yong Poh Kon: As I said earlier it takes two hands to clap. And if certain sections of federal government are improving their service delivery, the private sector has to do so. Of course we can always say in

the private sector, if a company is not efficient, it will go bankrupt. However, there are also certain types of company where they depend on government regulations to regulate their businesses. For examples the financial services and the banking industry like the Bank Negara, who is doing a great job keeping the banking services in line. We also have the utilities companies like telecommunication, they will need a multimedia commission to help monitor and create competition among telecommunication companies. Now, we have Celcom, Maxis, Digi and these give great competitions among them and we will end up with the best service. If we are not happy with one company, we can transfer to another company. So with this process the competitive forces will begin to make companies more competitive

Hos Agenda Awani: Mengenai ETP, 92% daripadanya bergantung dan dikuasai oleh sektor swasta dan cabaran ini besar diletakkan di sektor swasta untuk menjayakan apa yang dikatakan dalam ETP itu sendiri, bagaimana dengan perkara ini?

Tan Sri Yong Poh Kon:

It is true, 92% in NKEA (National Key Economic Areas) will be funded by the private sector and the ETP or the Economic Transformation Programme is actually a combination of two things. One is the National Key Economic Areas where you talk about the private sector paying the 92% of it and this are comprising of many significant projects, quite large but there is also another part of it, called the eight SRI or Strategic Reformed Initiatives. These eight areas are equally important and one of the areas is strengthening of the civil service. So we must have the best breed to be in the civil service. It will continue to give the good service that has been apparent. We also talk about developing human capital. That is also very important and to do this, of course there are various issues that can help to make the market friendlier. Those are some areas that will be rolling out and I think we are on your way to the ETP programme.

Hos Agenda Awani: PEMUDAH sendiri kalau kita nampak selepas tiga tahun ditubuhkan semenjak tahun 2007, memandang ke hadapan bagaimana kita memandang cabaran-cabaran bagi meningkatkan daya saing kepada negara kita?

Tan Sri Mohd Sidek Hassan: PEMUDAH ini dulu ditubuhkan pada 7 Februari 2007, fokus kita pada masa itu ialah bagaimana kita boleh meningkatkan penyampaian perkhidmatan dalam sektor awam dan memang itulah menjadi fokus kita. Saya juga sering sebutkan pada rakan-rakan saya dalam perkhidmatan awam bahawa kita juga merupakan *clients, customers* pada perkhidmatan awam sendiri seperti contoh jika saya mahu memperbaharui lesen memandu, atau mahu

hantar anak saya ke sekolah atau pergi ke hospital, kita sebagai penjawat awam juga merupakan pelanggan daripada jabatan awam. Jadi pada tahun sebelum ini, kita telah meningkatkan penyampaian perkhidmatan di jabatan Kerajaan melalui PEMUDAH. Dalam PEMUDAH, ada 10 orang wakil sektor swasta iaitu Tan Sri Yong dan lain-lain, 13 pula mewakili daripada sektor perkhidmatan awam. Di sektor swasta, mereka juga adalah pelanggan kepada pihak swasta sendiri. Seperti bank, semua sektor swasta yang lain akan berurusan dengan bank, jadi adalah penting pada bank itu memberikan perkhidmatan yang efisien. Serupa juga dengan kakitangan di sektor swasta, mereka juga perlu meningkatkan penyampaian perkhidmatan mereka kerana mereka tidak sahaja berurusan dengan jabatan Kerajaan tetapi juga berurusan sesama syarikat swasta. Ini adalah kerana pelbagai input boleh diterima daripada kalangan pihak swasta juga. Adalah amat penting untuk meningkatkan penyampaian perkhidmatan di sektor swasta dan inilah cabaran kita. Oleh itu, PEMUDAH sekarang ini akan juga menumpukan perhatian kepada penambahbaikan dalam sektor swasta. Jadi kita boleh bergerak ke satu arah seperti yang diperkatakan oleh YAB Perdana Menteri tentang Program Transformasi Ekonomi. Dan ini amat bersesuaian sekali.

Hos Agenda Awani: Dalam memandang ke hadapan bagaimana kita melihat keterbukaan khususnya kakitangan awam, kakitangan daripada sektor swasta, dalam menerima perubahan-perubahan ini kerana sudah pasti kita perlu cepat kerana untuk mencapai matlamat itu dalam masa 10 tahun lebih kurang, kita memerlukan satu transformasi pemikiran atau alat anjakan paradigma yang lebih menyeluruh, bagaimana kita dapat melakukan dengan sebaik mungkin dari segi sektor swasta dan juga sektor awam.

Tan Sri Mohd Sidek Hassan:

Dulunya kalau orang menegur kita bagaimana kita hendak melakukan kerja kita, tanggungjawab kita, kita cepat merasa sensitif. Sudah tiba masanya pemikiran kita berubah, dan minda 1.2 juta penjawat awam juga perlu berubah. Kalau orang lain boleh memberitahu saya, bagaimana saya boleh menambahbaik perkhidmatan saya, saya akan mengucapkan terima kasih yang amat sangat. Dengan cara itu, saya akan menjadi penjawat awam yang lebih baik. Pada hemah saya, itulah satu pembaharuan, satu keperluan yang perlu diamalkan oleh semua penjawat awam.

Hos Agenda Awani: Bagaimana pula di sektor swasta?

Tan Sri Yong Poh Kon: I think private sector members in PEMUDAH, their eyes have been opened. Last time, we used to feel that all civil servants are defensive but in all the dealings and meetings with Tan Sri

Mohd Sidek and his very senior officers for the last three years, they were very frank, open and we exchanged information and we begin to appreciate the various constraints on their side. They have done so many improvements which I think is to the benefit of the country.

Hos Agenda Awani: Terima kasih kepada Tan Sri Mohd Sidek Hassan dan Tan Sri Yong Poh Kon.